

Headline **Doktor diskriminasi pesakit AIDS**  
Date **09 May 2011**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **18**  
Article Size **182 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **840**  
PRValue **2,520**



## Stigma negatif masih menebal di kalangan pengamal perubatan

# Doktor diskriminasi pesakit AIDS

Oleh **BASIR ABU BAKAR**  
basir.abubakar@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** – Sebahagian besar daripada kesemua 23,581 doktor di Malaysia didapati masih mempunyai stigma negatif terhadap penghidap AIDS sehingga menjadi punca pesakit itu didiskriminasi.

Jurucakap Persatuan Perubatan HIV Malaysia (MaSHM), Dr. Mazliza Zaid berkata, senario itu masih ada di kalangan doktor walaupun dunia perubatan sudah mengenal pasti virus itu sejak tahun 1986 lagi.

“Keadaan ini sekali gus menyebabkan pesakit virus HIV rasa didiskriminasi oleh pengamal perubatan yang sepatutnya membantu mereka menjalani hidup lebih baik seperti manusia normal yang lain,” ujarnya ketika berucap pada program “Bermula Dengan Anda 2010” di sini kelmarin.

Justeru, menurut Mazliza, pi-

haknya sentiasa mengadakan majlis penerangan mengenai virus yang sama dan memberi kesedaran kepada masyarakat termasuk golongan doktor dan pengamal perubatan sejak tahun 2005.

Program yang diadakan kelmarin merupakan kali keenam diadakan pihaknya bagi memberi kesedaran kepada bakal doktor dan ia menunjukkan kesan yang membanggakan dalam usaha menghakis stigma negatif terhadap penghidap virus berkenaan.

“Pada program kali ini, seramai 23 pelajar perubatan dari IMU (Universiti Perubatan Antarabangsa) dan UiTM (Universiti Teknologi Mara) terlibat dalam menguruskan pesakit AIDS di Hospital Sungai Buloh sejak tahun lalu,” jelasnya.

Selain itu, menurutnya, seramai 400 pelajar dari empat buah universiti iaitu IMU, UiTM, Universiti Malaya dan Universiti Pu-

tra Malaysia juga terlibat secara langsung dalam setiap program kesedaran mengenai pesakit AIDS dan pembawa HIV di Malaysia.

Sementara itu, Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAC), Datuk Zaman Khan pula memberitahu, stigma negatif dan sikap diskriminasi pesakit AIDS memang masih wujud tetapi ia semakin hari semakin menunjukkan perubahan positif.

“Sama ada kita mahu atau tidak sikap pandangan negatif doktor terhadap pesakit virus HIV ini masih berlaku sehingga kini.

“Bagaimanapun, sejak 1980-an sikap tersebut didapati semakin berjaya dikikis dan kini telah menunjukkan perkembangan yang positif,” katanya sambil berharap kempen kesedaran anjuran syarikat farmaseutikal, Merck Sharp & Dohme Malaysia bersama rakan kongsi dari MaSHM dan MAC akan dapat diadakan secara berterusan.